

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (85)
Tarikh : 18 Disember 2014

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "TERHARU LIHAT KESULITAN HIDUP" BERTARIKH 15 DISEMBER 2014, ISNIN – M.S: 38 (RANTAU PANJANG)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Mohd Abu Kamil bin Che Ghani yang mempunyai lima orang anak dan empat daripadanya tidak memiliki dokumen sijil kelahiran.

3. Untuk makluman, pegawai JPN Daerah Pasir Mas telah ke kediaman Encik Mohd Abu Kamil bin Che Ghani pada 15/12/2014 untuk membantu beliau dalam menguruskan pendaftaran kelahiran anak - anaknya. Pada kunjungan tersebut beliau telah diberikan borang permohonan daftar lewat kelahiran untuk dilengkapkan dan dikemukakan di pejabat JPN yang berdekatan dengan tempat tinggal beliau. Jabatan ini bersedia memproses permohonan Pendaftaran Lewat Kelahiran anak – anak Encik Mohd Abu Kamil bin Che Ghani setelah semua dokumen dilengkapkan bagi membolehkan ianya diproses dan dikeluarkan sijil kelahiran berdasarkan undang – undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)